

Tingkatan 2 Bab 7: Perjuangan Rakyat Tempatan Mengembalikan Kedaulatan Bangsa

当地人民还原民族主权的斗争

7.1 Perjuangan Mengembalikan Kedaulatan Kedah 还原吉打州统治的奋斗

1. Pada tahun 1821, seramai 7 000 orang tentera Siam telah menyerang Kedah dengan mengepung Kuala Kedah.

在 1821 年，共有 7000 名泰国（Siam）士兵入侵吉打州并包围 Kuala Kedah。

2. Askar Siam bertindak kejam terhadap penduduk Kedah dengan membakar rumah mereka, merampas harta, dan menawan penduduk untuk dijadikan hamba.

泰国士兵残暴对待吉打州人民，燃烧他们的房屋，抢夺财产，和俘虏人民以成为奴隶。

3. Penjajahan Siam ini telah ditentang oleh rakyat Kedah yang dipimpin oleh Sultan Ahmad Tajuddin untuk mengembalikan kedaulatan negeri Kedah.

泰国的统治被，Ahmad Tajuddin 苏丹带领的吉打州人民对抗以便恢复国家的主权。

4. Perang pembebasan Kedah turut dipimpin oleh Tunku Abdullah, Tunku Kudin (Syed Zainal Abidin), Tunku Long, dan Tunku Muhammad Saad.

解放吉打的战争由 Tunku Abdullah, Tunku Kudin (Syed Zainal Abidin), Tunku Long 和 Tunku Muhammad Saad 带领。

5. Perjuangan mereka disokong oleh pemimpin rakyat seperti Tok Mo Ris dan pemimpin agama seperti Syeikh Abdul Kadir.

他们的奋斗被人民领袖比如 Tok Mo Ris 和宗教领袖比如 Syeikh Abdul Kadir 支持。

6. Namun, perjuangan rakyat Kedah menentang Siam telah dikhianati oleh British apabila British bersubahat dengan Siam untuk melumpuhkan perjuangan rakyat Kedah.

然而，吉打州人民对抗泰国的奋斗被英国背叛，当英国与泰国勾结以瘫痪吉打州人民的斗争。

7. Tentera British juga menghantar kapal perangnya untuk membantu Siam mengepung Kedah.

英国军方也派出它的军舰，以帮助泰国围困吉打州。

8. Semangat perjuangan rakyat Kedah menyebabkan Siam berdamai dengan Kedah.

吉打州人民战斗的精神造成泰国与吉打州讲和。

9. Sultan Kedah menghantar putera baginda, iaitu Tunku Daei ke Bangkok untuk merundingkan perdamaian.

吉打州苏丹派他的儿子，那就是 Tunku Daei 到曼谷进行和平谈判。

10. Pada tahun 1842, Siam mengembalikan takhta Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin.

1842 年，泰国把吉打州的王位交还给 Ahmad Tajuddin 苏丹。

11. Sungguhpun Kedah memperoleh kembali kedaulatannya, namun wilayah Perlis, Setul, dan Kubang Pasu diasingkan dari Kedah.

尽管吉打州恢复它的自主权，但玻璃市（Perlis），Setul 和 Kubang Pasu 地区却被从吉打州分离。

Tahun	Peristiwa
1823	<p>a) Tunku Abdullah memimpin 3 000 orang tentera untuk membebaskan Kedah daripada Siam melalui Seberang Perai. Tunku Abdullah 带领 3000 名士兵通过大山脚以从泰国解放吉打州。</p> <p>b) Serangan baginda gagal kerana Siam mendapat bantuan dan perlindungan British. 他的攻击失败，因为泰国得到英国的援助和保护。</p>
1831	<p>a) Tunku Kudin berjaya menawan semula Kuala Kedah dari Melaka. Tunku Kudin 从马六甲成功收复 Kuala Kedah。</p> <p>b) British menghantar lima buah kapal perang untuk mengepung Kedah. 英国派出了五艘军舰包围吉打州。</p> <p>c) Tindakan British menyebabkan tentera Kedah terputus bekalan makanan dan bantuan tentera dari luar. 英国的行动断绝吉打州的军队从外面来的粮食供应和军事援助。</p> <p>d) Tunku Kudin terkorban dalam peperangan ini. Tunku Kudin 在这场战争中牺牲。</p>
1836	<p>a) Sultan Ahmad Tajuddin merancang untuk menyerang Siam melalui Bruas, Perak. Ahmad Tajuddin 计划通过霹雳州的 Bruas 入侵泰国。</p> <p>b) British berjaya mengesan gerakan Kedah dan Sultan Ahmad Tajuddin ditangkap. 英国成功探测到吉打州的行踪和 Ahmad Tajuddin 苏丹艾被逮捕。</p>
1838	<p>a) Tunku Muhammad Saad mengetuai tentera Kedah untuk menentang Siam. Tunku Muhammad Saad 带领吉打州的军队对抗泰国。</p> <p>b) Tentera Kedah berjaya menawan semula selatan Kedah, Kota Kuala Kedah, dan mara ke Songkla. 吉打州军队成功收复吉打州南部，Kota Kuala Kedah，并向 Songkla 前进。</p> <p>c) Siam berjaya mematahkan serangan Kedah melalui bantuan British. 泰国通过英国的援助成功挫败吉打州的攻击。</p>

7.2 Dol Said Pahlawan Naning (Dol Said, 南宁的英雄)

1. Daerah Naning terletak antara Rembau dengan Melaka dan pusat pentadbirannya terletak di Taboh.

南宁位于马六甲和 Rembau 之间，它的行政管理中心位于 Taboh。

2. Dato' Naning Abdul Said lebih dikenali dengan panggilan Dol Said.

Dato' Naning Abdul Said 更被称为 **Dol Said**。

3. Naning mengeluarkan hasil bumi seperti padi, buah-buahan, sirih, dan bijih timah.

南宁出产的作物，比如稻米，水果，老叶和锡。

4. Pada tahun 1831, Penghulu Dol Said telah mengetuai penentangan terhadap British. Pada 15 Julai 1831, British mengisytiharkan Dol Said sebagai penderhaka.

1831 年，Dol Said 首领带领对抗英国。在 1831 年 7 月 15 日，英国宣布 Dol Said 为叛徒。

5. Faktor Dol Said melancarkan penentangan terhadap British

Dol Said 发动对抗英国因素

(a) Mempertahankan kemerdekaan Nanning

捍卫南宁的独立

(i) Pada tahun 1824, British dan Belanda menandatangani Perjanjian Inggeris-Belanda.

1824 年，英国和荷兰签署英国荷兰条约。

(ii) Dalam perjanjian tersebut, Belanda menyerahkan Melaka kepada British.

在这个协议中，荷兰把马六甲移交给英国。

(iii) British mendakwa Nanning merupakan sebahagian daripada Melaka dan mengarahkan Nanning mematuhi peraturan yang ditetapkan di Melaka.

英国声称南宁它作为马六甲的一部分，并命令南宁准守马六甲设定的条规。

(iv) Penghulu Dol Said menganggap Nanning sebagai wilayah yang berdaulat dan menolak arahan British itu.

Dol Said 首领认为南宁是独立自主的领土，并拒绝英国的命令。

(b) Menentang pelaksanaan Undang-undang British

反对执行英国法律

(i) British mengenakan pelbagai peraturan ke atas Nanning yang dianggap oleh Dol Said sebagai menggugat pengaruh dan kuasanya di Nanning.

英国在南宁市施加各种被 Dol Said 认为会威胁到他的影响力和权力的条规。

(ii) Pada tahun 1828, British memberi amaran kepada Dol Said setelah Dol Said menyelesaikan kes jenayah di Nanning.

1828 年，当 Dol Said 在南宁解决刑事案件之后，英国警告 Dol Said。

(iii) British mengugut akan melucutkan jawatan Dol Said sekiranya Dol Said tidak mematuhi arahan British itu.

英国威胁将解雇 Dol Said 的职位，如果 Dol Said 不准守英国的命令。

(c) Menentang bayaran cukai

对抗纳税

(i) Undang-undang 1830 memaksa Nanning membayar cukai sebanyak satu per sepuluh daripada hasil keluaran pertanian Nanning.

1830 法律强制南宁缴税多达十分之一的南宁农业收成。

(ii) Arahan ini dibuat setelah British mendapati bahawa hasil daerah Nanning berjumlah 4 500 dolar sebulan.

当英国发现南宁省一个月的收成总额 4500 块钱，英国作出这个指令。

(iii) Dol Said menganggap Nanning sebagai wilayah yang berdaulat dan enggan membayar cukai kepada British.

Dol Said 认为认为南宁是独立自主的领土，拒绝缴税给英国。

6. Seramai 150 orang sepoi yang diketuai oleh Kapten Wyllie dihantar oleh British untuk menyerang Dol Said dan pengikutnya.

英国派遣 Wyllie 队长带领 150 个 sepoi 以攻击 Dol Said 和他的追随者。

7. Dol Said berjaya mematahkan serangan Kapten Wyllie kerana menggunakan taktik perang gerila serta mendapatkan bantuan daripada Seri Menanti, Sungai Ujong, Johol, dan Muar.

Dol Said 成功 **Wyllie** 队长的攻击因为使用游击战战术和得到 **Seri Menanti, Sungai Ujong, Johol** 和麻坡的帮助。

8. Yamtuan Muda Raja Ali dari Rembau turut menghantar pasukan bantuan yang diketuai oleh menantunya Syed Shaaban.

来自 **Rembau** 的 **Yamtuan Muda Raja Ali** 还派出以他的女婿, **Syed Shaaban** 带领的增援部队。

9. Menyedari bahawa Nanning tidak mudah dikalahkan, British mengadakan rundingan dengan Yamtuan Muda Raja Ali.

意识到南宁不容易被击败, 英国与 **Yamtuan Muda Raja Ali** 进行谈判。

10. Yamtuan Muda Raja Ali bersetuju menghantar 600 orang hulubalangnya untuk membantu British menyerang Nanning.

Yamtuan Muda Raja Ali 同意派遣 **600** 个指挥官, 以帮助英军攻击南宁。

11. Pada bulan Mac 1832, Kolonel Herbert mengetuai pasukan tentera menyerang Nanning.

在 **1832** 年 **3** 月, **Herbert** 上校率领军队攻击南宁。

12. Tentera pakatan British dengan Rembau berjaya mengalahkan Nanning dan pusat pentadbiran Nanning, iaitu Taboh berjaya ditawan oleh British.

英国和 **Rembau** 联军成功打败南宁, 而南宁行政中心 **Taboh** 成功被英国征服。

13. Dol Said berundur ke Seri Menanti dan akhirnya menyerah diri kepada British.

Dol Said 撤退到 **Seri Menanti**, 最后向英国投降。

14. Beliau diberi pencen dan sebuah rumah di Melaka.

他被给予养老金和一间在马六甲的房子。

15. British menyatukan daerah Nanning dengan Melaka.

英国统一南宁省和马六甲。

16. Penentangan British di Nanning menyebabkan British mengalami kerugian sebanyak 100 000 paun sterling.

在南宁的对抗英国导致英国损失 **10** 万英镑。

17. Sungguhpun penduduk Nanning kalah dalam penentangan ini, namun mereka berjaya membangkitkan semangat kebangsaan menentang penjajah.

虽然南宁的人民在这场对抗中失败, 但他们成功激起民族对抗侵略者的精神。

7.3 Rentap Wira Sarawak: Agi Idup, Agi Ngelaban (Rentap, 砂劳越英雄: 还活着, 还对抗)

1. Rentap ialah pemimpin orang Iban di Sungai Skrang dan Sungai Saribas. Beliau merupakan seorang pahlawan yang menentang British di Sarawak.

Rentap 是在 **Skrang** 河和 **Saribas** 河的伊班人领袖。他是砂劳越对抗英国的一个英雄。

2. Rentap menentang pemerintahan Brooke kerana pemerintahan keluarga Brooke menganggap orang Iban di Sungai Skrang sebagai lanun.

Rentap 对抗 **Brooke** 政府因为 **Brooke** 家族认为在 **Skrang** 河的伊班人是海盗。

Nama sebenar Rentap ialah Libau yang bermaksud "pengoncang dunia". Beliau dilahirkan pada tahun 1800.

Rentap juga digelar Raja Darat.

Rentap 的真名是 **Libau**，意思是“动摇世界的人”。他出生于 **1800** 年。**Rentap** 也被称为陆王。

3. James Brooke mendirikan kubu di Nanga Skrang untuk mengawasi pergerakan orang Iban dan bertindak menghapuskan petempatan orang Iban di Sungai Skrang.

James Brooke 在 **Nanga Skrang** 建立堡垒以监视伊班人的举动并采取行动消灭伊班人在 **Skrang** 河的住宅区。

4. Pada tahun 1853, Rentap menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang.

1853 年，**Rentap** 攻击 **James Brooke** 在 **Nanga Skrang** 的堡垒。

5. Dalam serangan tersebut, pengikut Rentap berjaya membunuh seorang pegawai James Brooke yang bernama Allan Lee.

在这场进攻中，**Rentap** 追随者成功杀死名叫 **Allan Lee** 的 **James Brooke** 的军官。

6. Kejayaan membunuh pegawai James Brooke menyebabkan nama Rentap terkenal di kalangan penduduk kaum Iban. Beliau kemudian digelar "Raja Ulu".

成功杀死 **James Brooke** 的军官导致 **Rentap** 的名字在伊班族中变得有名。随后，他被称为“乌鲁王”。

7. Pada tahun 1854, James Brooke menawan kubu Rentap di Sungai Lang dan membakar perkampungan Rentap.

1854 年，**James Brooke** 收复 **Rentap** 在 **Sungai Lang** 的堡垒并烧了 **Rentap** 的村庄。

8. Kesan kejadian tersebut, pengikut-pengikut Rentap berundur ke Bukit Sadok dan membina kubu di sana.

这事件的结果，**Rentap** 的追随者撤退 **Bukit Sadok** 并在那里建立堡垒。

9. Pada tahun 1857, James Brooke menghantar Tuan Muda Charles Brooke untuk menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok.

1857 年，**James Brooke** 派出 **Charles Brooke** 少主以攻打 **Rentap** 在 **Bukit Sadok** 的堡垒。

10. Walaupun Charles Brooke berjaya mempengaruhi kira-kira 3 000 orang Iban dan 500 orang Melayu supaya menyerang kubu Rentap, namun beliau gagal kerana kubu pertahanan Rentap begitu kukuh.

虽然查 **Charles Brooke** 成功说服约 **3000** 个伊班人和 **500** 个马来人攻打 **Rentap** 的堡垒，但他失败因为 **Rentap** 的堡垒非常强。

11. Pada tahun berikutnya, Charles Brooke sekali lagi memimpin pasukannya menyerang Bukit Sadok, tetapi usaha beliau masih tidak berjaya.

次年，**Charles Brooke** 再次率领军队袭击 **Bukit Sadok**，但他的努力还是没有成功。

12. Pada tahun 1863, James Brooke sendiri mengetuai pasukannya untuk menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok.

1863 年，**James Brooke** 亲自率领军队攻打在 **Bukit Sadok** 的 **Rentap**。

13. James Brooke menggunakan meriam besar yang digelar "Bujang Sadok" untuk menembusi kubu Rentap.

James Brooke 使用被称为“**Bujang Sadok**”的炮以攻陷 **Rentap** 的堡垒。

14. Akhirnya, Rentap ditewaskan dan beliau berundur ke Entabai untuk menyusun strategi baru.

最后，**Rentap** 兵败并撤退到 **Entabai** 以制定新的战略。

Mesej Focus 咨询焦点

Bujang Sadok, meriam yang digunakan oleh James Brooke untuk menentang Rentap di Bukit Sadok

Bujang Sadok, James Brooke 对抗在 Bukit Sadok 的 Rentap 使用的大炮

Pada tahun 1863, James Brooke sendiri mengetuai angkatan perangnya untuk menyerang Rentap di Bukit Sadok. Brooke berjaya menembusi kubu Rentap setelah menggunakan meriam besar yang kemudiannya digelar Bujang Sadok.

1863 年, James Brooke 亲自率领军队攻打在 Bukit Sadok 的 Rentap。Brooke 使用过后被称为 Bujang Sadok 的大炮后, 成功攻陷 Rentap 的堡垒。

15. Walau bagaimanapun, beliau meninggal dunia sebelum sempat meneruskan perjuangan menentang James Brooke.

然而, 在他继续对抗 James Brooke 的奋斗之前, 他去世了。

16. Penentangan Rentap membuktikan bahawa mereka bukannya lanun, tetapi pejuang bangsa dan semangat juangnya diabadikan di Batu Peringatan Rentap.

Rentap 的对抗证明他们不是海盗, 而是民族的战士和他的战斗精神在 Rentap 的里程碑中体现。

7.4 Sharif Masahor Wira Sarawak (Sharif Masahor 砂劳越英雄)

1. Sharif Masahor ialah seorang pembesar Sarikei yang sangat berpengaruh di kalangan orang Melanau di Sungai Rajang dan orang Iban di Sungai Skrang.

Sharif Masahor 是拉让江的马兰诺人和 Skrang 河的伊班人里非常有影响力的 Sarikei 大臣。

2. Sharif Masahor berasal dari Kampung Igan yang terletak di muara Sungai Rajang.

Sharif Masahor 来自位于拉让江河口的 Igan 村。

3. Beliau dilantik oleh Sultan Abdul Mu'mein Brunei untuk mentadbir kawasan Sarikei dan Sungai Skrang.

他被汶莱的 Abdul Mu'mein 任命为管理 Sarikei 和 Skrang 河地区。

4. Kewibawaan Sharif Masahor tergugat apabila James Brooke mengambil wilayah Sungai Rajang daripada Sultan Brunei.

Sharif Masahor 的权威受到威胁, 当 James Brooke 从汶莱苏丹手上接管拉让江区域。

5. Pembinaan kubu di Kanowit dan pelantikan Henry Steele sebagai wakil British oleh James Brooke dianggap telah mengambil alih kuasa pentadbiran Sharif Masahor.

James Brooke 在 Kanowit 建立堡垒委任和 Henry Steele 作为英国代表被认为是接管 Sharif Masahor 的行政权力。

6. Pada tahun 1855, 150 buah perahu yang diketuai oleh Sharif Masahor telah menyerang Mukah dalam usaha mengusir Pangeran Matusin yang menyokong peluasan kuasa James Brooke.

1855 年, Sharif Masahor 带领 150 艘船袭击木胶, 以驱逐支持 James Brooke 扩充势力的 Pangeran Matusin。

7. James Brooke bertindak dengan melucutkan kuasa Sharif Masahor di Sarikei.

James Brooke 在 Sarikei 剥夺 Sharif Masahor 的权力。

8. Tindakan James Brooke melucutkan kuasa Sharif Masahor telah menyebabkan kemarahan Sharif Masahor.

James Brooke 剥夺 Sharif Masahor 权力的行动导致 Sharif Masahor 的愤怒。

9. Beliau berpakat dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur dari Kuching untuk mengusir James Brooke dari Sarawak.

他与来自古晋的 Datu Patinggi Abdul Ghapur Patinggir 密谋驱逐 James Brooke 离开砂拉越。

10. Pada tahun 1859, pasukan Sharif Masahor menyerang Kanowit dan serangan tersebut telah membimbangkan orang Eropah di Sarawak.

1859 年, Sharif Masahor 部队攻击 Kanowit, 这场袭击让在砂劳越的欧洲人担忧。

11. Pada tahun 1860, Sharif Masahor, Datu Patinggi Abdul Ghapur dan Temenggung Hashim dari Sadong membuat pakatan sulit untuk menyerang Kuching.

1860 年, Sharif Masahor, Datu Patinggi Abdul Ghapur 和来自 Sadong 的 Hashim 天猛公串通以攻打古晋。

12. Tujuan mereka menyerang Kuching adalah untuk menggulingkan pemerintahan keluarga Brooke.

他们攻击古晋的目标是推翻 Brooke 家族。

13. Pakatan sulit tersebut telah diketahui terlebih dahulu oleh Charles Brooke dan dengan bantuan Belanda, Charles Brooke menahan Datu Patinggi Abdul Ghapur.

这个串通被 Charles Brooke 提前知道, 并在荷兰的帮助下, Charles Brooke 拘捕 Datu Patinggi Abdul Ghapur。

14. Datu Patinggi Abdul Ghapur dipenjarakan di Betawi.

Datu Patinggi Abdul Ghapur 被囚禁在 Betawi。

15. Pertempuran antara Sharif Masahor dengan tentera Charles Brooke kemudian meletus di Sungai Sadong. **Sharif Masahor 和 Charles Brooke 军队之间的战斗过后在 Sadong 河爆发。**

16. Dalam pertempuran tersebut, kapal-kapal penyokong Sharif Masahor ditenggelamkan dan seramai 64 orang pengikutnya terbunuh.

在这场战斗中, Sharif Masahor 支持者船舶的沉没和 64 个他的追随者丧生。

17. Sharif Masahor kemudian berundur ke Mukah.

Sharif Masahor 过后撤退到木胶。

18. Pada tahun 1861, James Brooke memaksa Sultan Brunei menyerahkan Mukah dan menahan Sharif Masahor.

1861 年, James Brooke 强迫文莱苏丹割让木胶并拘留 Sharif Masahor。

19. Sharif Masahor kemudian dibuang negeri ke Singapura.

Sharif Masahor 过后被流放到新加坡。

20. Sungguhpun perjuangan Sharif Masahor berjaya dipatahkan oleh pemerintahan Brooke, namun gerakan menentang kerajaan Brooke masih berterusan selepas itu.

尽管 Sharif Masahor 的奋斗被占用 Brooke 政府成功瓦解, 然而对抗 Brooke 政府的运动依然持续。

21. Kerajaan Brooke kemudiannya menghadapi penentangan daripada pemimpin Banting pada tahun 1894 dan Penghulu Asun pada tahun 1931.

Brooke 政府过后在 1894 年面对着来自 Banting 领袖的对抗和 1931 年来自 Asun 首领的对抗。

7.5 Dato' Maharaja Lela Pejuang Kebanggaan Perak (Dato' Maharaja Lela, 霹靂州自豪的战士)

1. Dato' Maharaja Lela ialah Penghulu di Pasir Salak. Beliau merupakan Orang Besar Berlawan Perak.

Dato' Maharaja Lela 是巴西沙拉的首領。他是霹靂州的八大大臣。

2. Beliau merupakan pembesar yang menentang pentadbiran British setelah British melaksanakan Sistem Residen di Perak.

在英国在霹靂州实行领事制度后，他是对抗英国政府的大臣。

3. Berikutan Perjanjian Pangkor 1874, British menempatkan J.W.W. Birch sebagai Reside Perak yang pertama.

继 1874 年 Pangkor 条约，英国人放置 J.W.W. Birch 为第一任霹靂州的領事。

4. Pentadbiran J.W.W. Birch telah menimbulkan konflik antara British dengan sultan dan pembesar negeri Perak.

J.W.W. Birch 的行政引发英国与霹靂州苏丹和大臣之间的冲突。

5. Konflik memuncak apabila Dato' Maharaja Lela bertindak untuk membunuh J.W.W. Birch semasa Birch melawat Pasir Salak.

冲突达到巅峰，当 Dato' Maharaja Lela 在 Birch 参观 Pasir Salak 时采取行动杀死 J.W.W. Birch。

6. Faktor pembesar negeri Perak menentang British

霹靂州大臣对抗英国的因素

(a) British mengambil hak memungut cukai

英国接管收税的权利

(i) Pada 24 Julai 1875, J.W.W. Birch telah memaksa Sultan Abdullah menandatangani pengisytiharan yang membolehkan British mengambil hak memungut cukai.

在 1875 年 7 月 24 日，J.W.W. Birch 逼迫 Abdullah 苏丹签署了一项声明，允许英国接管收税的权利。

(ii) Dalam usaha mengambil hak memungut cukai, Birch telah memeras ugut sultan untuk menurunkan takhta baginda.

为了接管收税的权利，Birch 以推倒苏丹的王位来威胁苏丹。

(iii) Birch juga membakar rumah Raja Ngah Orang Besar Perak kerana meneruskan kutipan cukai timah di Bidor.

Birch 也烧了霹靂州 Raja Ngah Orang Besar 的房子因为他继续在 Bidor 征收锡的税务。

(iv) Tindakan Birch ini menimbulkan kemarahan pembesar negeri Perak.

Birch 的举动激怒霹靂州的大臣。

(b) Memperkenalkan cukai baru

推出新的税收

(i) Pentadbiran Birch memperkenalkan pelbagai jenis cukai baru seperti cukai padi, perahu, atap, senjata, dan bayaran permit untuk membalak.

Birch 行政推出了多种新的税收，比如稻米税，船税，亚达税，武器税和进行伐木的许可证。

(ii) Birch juga memperkenalkan cukai kelamin sebanyak dua dolar yang wajib dibayar oleh setiap isi rumah.

Birch 也推出双重征税，每家每户必须支付两块美元。

(iii) Pengenalan cukai ini membebaskan penduduk negeri Perak.

这项税收造成霹雳州人民的负担。

(c) Mencabar ketuanan Melayu

挑战马来人的自主权

(i) Pada 2 Oktober 1875, Sultan Abdullah didesak untuk menandatangani perisytiharan untuk menyerahkan kuasa kepada British.

在 1875 年 10 月 2 日, **Abdullah** 苏丹被迫签署一份声明, 将权力移交给英国。

(ii) Pengisytiharan itu menyebabkan kuasa mentadbir negeri diserahkan kepada Residen.

这个声明导致州内行政管理的权力被移交给领事。

(iii) Dalam perkembangan tersebut, Residen berkuasa untuk melantik hakim, mengurus kutipan cukai, dan melantik penghulu.

对此, 领事有权力委任法官, 管理税收, 并委任首领。

(iv) Keadaan ini mencabar ketuanan Melayu di negeri Perak.

这情况挑战霹雳州马来人至上的自主权。

(d) Mencabuli adat resam Melayu di Perak

介入霹雳州的马来习俗

(i) Residen Birch tidak disukai oleh sultan dan pembesar negeri Perak apabila beliau mengharamkan amalan perhambaan.

Birch 领事不被霹雳州苏丹和大臣喜欢, 当他禁止奴隶制度。

(ii) Amalan tersebut telah menjadi adat resam yang diamalkan oleh pembesar Melayu di Perak.

这种制度已成为霹雳州马来人的风俗习惯。

(iii) Birch menimbulkan permusuhan apabila menyimpan hamba-hamba perempuan di rumahnya.

Birch 制造敌意当他在他的房子安置女奴。

7. Berikutan tindakan Birch yang menimbulkan kemarahan sultan dan pembesar Perak, Raja Abdullah, Raja Ismail dan Dato' Maharaja Lela telah bermesyuarat di Durian Sebatang.

继 **Birch** 激怒霹雳州苏丹和大臣的举动, **Abdullah** 王, **Ismail** 王和 **Dato' Maharaja Lela** 在 **Durian Sebatang** 开会。

8. Dalam mesyuarat tersebut, mereka telah mengambil keputusan untuk membunuh J.W.W. Birch.

在上会议上, 他们决定杀死 **J.W.W. Birch**。

9. Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya seperti Dato' Sagor, Pandak Indut, dan Sepuntum telah menawarkan diri untuk membunuh Birch.

Dato' Maharaja Lela 和他的追随者, 比如 **Dato' Sagor**, **Pandak Endut** 和 **Sepuntum** 自荐以杀 **Birch**。

10. Mereka berbuat demikian kerana mahu mengusir British dari Perak.

他们这样做是因为要驱逐英国离开霹雳州。

11. Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch dan rombongannya tiba di Pasir Salak untuk menyebarkan surat pengisytiharan mengambil hak memungut cukai oleh British.

在 1875 年十一月, **J.W.W. Birch** 一行来到 **Pasir Salak** 以宣扬英国接管征收税务的权利的声明信。

12. Dato' Maharaja Lela dan pengikutnya telah mengambil kesempatan untuk membunuh Birch.

Dato' Maharaja Lela 和他的追隨者趁机杀 **Birch**。

13. Pembunuhan Birch menyebabkan British bertindak menyerang Pasir Salak.

谋杀 **Birch** 导致英国攻打 **Pasir Salak**。

14. Dalam pertempuran yang dikenali sebagai Perang Perak itu, Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor memimpin pengikutnya mempertahankan Pasir Salak.

在被称为霹雳之战的战斗中，**Dato' Maharaja Lela** 和 **Dato' Sagor** 带领他们的追隨者捍卫 **Pasir Salak**。

15. Pasukan British berjaya dikalahkan dan Kapten Innes terbunuh dalam pertempuran tersebut.

英国军队被击败，而 **Innes** 队长在这场战斗中丧生。

16. Perang Perak berlaku hampir setengah tahun. Akhirnya dengan bantuan tentera dari India dan Hong Kong, British berjaya mengalahkan Dato' Maharaja Lela.

霹雳之战发生长达半年。最后，通过来自印度和香港的军队帮助下，英国成功击败 **Dato' Maharaja Lela**。

17. Pada tahun 1877, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut, dan Sepuntum dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

1877 年，**Dato' Maharaja Lela**，**Dato' Sagor**，**Pandak Endut** 和 **Sepuntum** 被判处吊死刑。

18. Sultan Abdullah dan Ngah Ibrahim dibuang negeri ke Pulau Seychelles manakala Raja Ismail dibuang negeri ke Johor.

Abdullah 苏丹和 **Ngah Ibrahim** 被流放到塞舌尔岛（**Pulau Seychelles**）而 **Ismail** 王则被流放到柔佛。

19. Sungguhpun perjuangan menentang British di Perak tidak berjaya, namun Dato' Maharaja Lela telah menjadi simbol kepahlawanan orang Melayu dalam menebus kedaulatan bangsa.

虽然霹雳州反抗英国的斗争并没有成功，但 **Dato' Maharaja Lela** 已经成为象征救赎国家主权的马来人英雄。

7.6 Yamtuan Antah Mempertahankan Kedaulatan Seri Menanti

（**Yamtuan Antah** 捍卫 **Seri Menanti** 的独立）

1. Tunku Antah dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti pada tahun 1875.

Tunku Antah 于 **1875** 年被委任成为 **Seri Menanti** 的统治者。

2. Wilayah jajahan Seri Menanti terdiri daripada Terachi, Ulu Muar, Gunung Pasir, dan Jempol.

Seri Menanti 的领土包括 Terachi, Ulu Muar, Gunung Pasir, 和 Jempol。

3. Yamtuan Antah adalah pembesar Seri Menanti yang tidak bersetuju dengan campur tangan British di Sungai Ujong.

Yamtuan Antah 是不赞成英国介入 **Sungai Ujong** 的 **Seri Menanti** 大臣。

4. Pelantikan Kapten Tatham sebagai Penolong Residen di Sungai Ujong pada tahun 1874 menggugat kedudukan beliau.

Tatham 队长于 **1874** 年被委任为 **Sungai Ujong** 的副领事威胁到他的地位。

5. Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, pembesar Sungai Ujong, tidak mengiktiraf pelantikan Tunku Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti.

Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, Sungai Ujong 大臣, 不承认 **Tunku Antah** 被委任为 **Seri Menanti** 的统治者。

6. Yamtuan Antah pula tidak mengiktiraf **Dato' Kelana** sebagai pemerintah **Sungai Ujong**.

Yamtuan Antah 不承认 **Dato' Kelana** 为 **Sungai Ujong** 的统治者。

7. Hubungan antara Yamtuan Antah dengan **Dato' Kelana Syed Abdul Rahman** bertambah runcing apabila **Dato' Kelana Syed Abdul Rahman** mengisytiharkan **Terachi** sebagai wilayahnya.

Yamtuan Antah 和 **Dato' Kelana Syed Abdul Rahman** 之间的关系增加隔阂, 当 **Dato' Kelana Syed Abdul Rahman** 宣称 **Terachi** 是他的领土。

8. Yamtuan Antah membantah kerana **Terachi** dianggap sebagai sebahagian daripada **Seri Menanti**.

Yamtuan Antah 反对, 因为 **Terachi** 被视为 **Seri Menanti** 的一部分。

9. **Dato' Kelana** telah meminta bantuan British dan **P.J. Murray**, Residen British di **Sungai Ujong** menghantar tentera dan juruukur untuk membuat siasatan tentang pertikaian tersebut.

Dato' Kelana 要求英国的援助和 **Sungai Ujong** 的英国领事, **P.J. Murray** 派出兵队和测量师以调查这项争议。

10. Yamtuan Antah menghantar seramai 200 orang pengikutnya menuntut supaya pihak British menghentikan kerja-kerja mengukur kawasan antara **Terachi** dengan **Kuala Pilah**.

Yamtuan Antah 派出 200 个他的追随者要求以便英国停止测量 **Terachi** 与 **Kuala Pilah** 之间区域的工作。

11. Pertikaian tersebut kemudian mencetuskan pertempuran antara pengikut Yamtuan Antah dengan British. 这场争议过后引发 **Yamtuan Antah** 的追随者与英国之间的战斗。

12. Penentangan Yamtuan Antah terhadap British mendapat sokongan daripada **Dato' Siamang Gagap**, **Tengku Besar Tampin**, penduduk **Rembau**, **Jelebu**, dan **Johol**.

Yamtuan Antah 对英国的抗争得到 **Dato' Siamang Gagap**, **Tengku Besar Tampin**, **Rembau**, **Jelebu** 和 **Johol** 人民的支持。

13. Pada bulan Disember 1875, pasukan Yamtuan Antah telah berjaya menawan **Paroi** dan mereka membina kubu di situ.

在 1875 年 12 月, **Yamtuan Antah** 的军成功收复 **Paroi**, 他们在那里建立堡垒。

14. British berjaya menawan kembali **Paroi** setelah mendapat bantuan tentera dari Negeri-Negeri Selat. 英国得到海峡殖民地的军事援助之后, 成功收复回 **Paroi**。

15. Yamtuan Antah terpaksa berundur ke **Bukit Putus** dan seterusnya ke **Johor**.

Yamtuan Antah 被迫撤退到 **Bukit Putus**, 然后到柔佛州。

16. Di **Johor**, Yamtuan Antah dinasihati oleh Maharaja **Abu Bakar** supaya berdamai dengan British. 在柔佛州, **Abu Bakar** 君王劝导 **Yamtuan Antah** 以便与英国讲和。

17. Pada bulan Mei 1876, Yamtuan Antah berunding dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat, iaitu **William Jervois** untuk berdamai.

在 1876 年五月, **Yamtuan Antah** 与海峡殖民地总督, 那就是 **William Jervois** 协商和平。

18. Melalui rundingan tersebut, Yamtuan Antah diiktiraf sebagai Yamtuan Besar di **Seri Menanti**. 通过这个谈判, **Yamtuan Antah** 被承认为 **Seri Menanti** 的伟大的统治者 (**Yamtuan Besar**)。

19. Rundingan tersebut telah memberi peluang kepada British untuk meluaskan pengaruh mereka ke seluruh Negeri Sembilan.

这个谈判提供给英国扩展影响力到整个森美兰州的机会。

7.7 Dato' Bahaman Pahlawan Pahang (Dato' Bahaman 彭亨州的英雄)

1. Nama sebenar Dato' Bahaman ialah Abdul Rahman bin Imam Noh.

Dato' Bahaman 的真名是 **Abdul Rahman bin Imam Noh**。

2. Beliau tidak mengiktiraf pemerintahan British di Pahang dan mempelopori gerakan penentangan British di Pahang.

他不承认英国在彭亨执政及在彭亨率先对抗英国的行动。

3. Dato' Bahaman dianugerahi gelaran Orang Kaya Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan kerana kegagahan dan keberanian beliau dalam perang saudara di Pahang dan Perang Klang di Selangor.

Dato' Bahaman 被赐封为 **Dato' Setia** (忠诚) **Perkasa** (勇敢) **Pahlawan** (英雄) **Semantan**, 因为他在彭亨州的内战中和雪兰莪州巴生之战的勇敢和勇气。

4. Selepas kematian Orang Kaya Indera Segara, Dato' Bahaman dilantik menjadi pembesar Temerloh.

Orang Kaya Indera Segara 去世后, **Dato' Bahaman** 被委任为 **Temerloh** 大臣。

5. Faktor Dato' Bahaman menentang British di Pahang

Dato' Bahaman 在彭亨对抗英国的因素

(a) Hilang hak mengutip cukai

失去收税的权利

(i) Dato' Bahaman menentang tindakan British melantik E. A. Wise sebagai Pegawai Majistret dan Pemungut Hasil di daerah Temerloh.

Dato' Bahaman 反对英国委任 **E. A. Wise** 为在 **Temerloh** 省的县令和收税官 (**Pegawai Majistret dan Pemungut Hasil**)。

(ii) British melarang beliau mengutip cukai di daerah kekuasaannya.

英国禁止他在他的管辖地区征收税款。

(b) Pembinaan balai polis di Lubuk Terua

在 **Lubuk Terua** 建立警察局

(i) E.A. Wise mendirikan sebuah balai polis di Lubuk Terua tanpa berunding dengan pembesar tempatan terlebih dahulu.

E.A. Wise 没有事先与当地大臣商讨就在 **Lubuk Terua** 建立警察局。

(ii) Dato' Bahaman menganggap tindakan British sebagai mencerobohi kawasan dan mengancam kedudukannya.

Dato' Bahaman 认为英国的举动是侵占他的地区, 并威胁他的地位。

(c) Perlucutan gelaran

剥夺衔头

(i) Keengganan Dato' Bahaman mematuhi arahan British menyebabkan Hugh Clifford menganggapnya sebagai penderhaka.

Dato' Bahaman 拒绝遵守英国的命令导致 **Hugh Clifford** 认为他是叛徒。

(ii) British memaksa Sultan Ahmad melucutkan gelaran Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan.

英国逼迫 **Ahmad** 苏丹剥夺 **Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan** 的衔头。

(iii) Tindakan British memalukan Dato' Bahaman dan beliau bersumpah akan mengusir British dari Pahang.

英国的举动羞辱 **Dato' Bahaman**，他发誓将驱逐英国离开彭亨。

6. Dato' Bahaman dan pengikutnya menawan balai polis di Lubuk Terua pada tahun 1891.

Dato' Bahaman 和他的追随者于 **1891** 年收复在 **Lubuk Terua** 的警察局。

7. British cuba mematahkan penentangan Dato' Bahaman dengan memaksa Sultan Pahang menubuhkan Gerakan Sultan yang diketuai oleh Sultan Wan Ahmad.

英国企图逼迫彭亨州苏丹建立由 **Wan Ahmad** 苏丹率领的苏丹行动以阻止 **Dato' Bahaman** 的对抗。

8. Gerakan Sultan berperanan untuk memerangi mereka yang menentang British seperti Dato' Bahaman.

苏丹行动的作用是打击那些对抗英国的人比如 **Dato' Bahaman**。

9. Perjuangan Dato' Bahaman bertambah hebat apabila beliau mendapat sokongan daripada Tok Gajah dan anaknya, Mat Kilau.

Dato' Bahaman 的抗争变得更激烈，当他得到 **Tok Gajah** 和他的儿子，**Mat Kilau** 的支持。10. Perjuangan menentang British di Pahang berakhir apabila Dato' Bahaman, Tok Gajah, dan Mat Kilau berundur ke Kelantan pada tahun 1894.

彭亨州对抗英国的抗争结束，当 **Dato' Bahaman**，**Tok Gajah** 和 **Mat Kilau** 在 **1894** 年撤退到吉兰丹州。

11. Sungguhpun perjuangan Dato' Bahaman tidak berjaya, namun mereka telah memperlihatkan keberanian menentang penjajah.

尽管 **Dato' Bahaman** 的抗争并不成功，但他们已经证明了他们对抗入侵者的勇气。

12. Kebangkitan Dato' Bahaman di Pahang telah menyebabkan British menanggung jumlah hutang yang besar.

Dato' Bahaman 在彭亨州的起义导致英国承担沉重的债务。

13. Sultan Wan Ahmad juga dipaksa menanggung hutang tersebut dengan membayar 7 200 dolar setahun bagi menyelesaikan hutang tersebut.

Wan Ahmad 苏丹也被迫承担这笔债务并以一年支付 **7200** 美元结清这笔债务。

Mesej Focus

Pada tahun 1892, British mengumpulkan *Gopeng Contingent* yang terdiri daripada orang Melayu untuk menentang kumpulan Dato' Bahaman dan penentang British yang lain di Pahang.

1892 年，英国包围由马来人组成的 **Gopeng** 队伍，以对抗彭亨 **Dato' Bahaman** 组织和其他英国敌手。

Peristiwa penentangan yang dilancarkan oleh Dato' Bahaman di Pahang Dato' Bahaman 在彭亨发动的造反事件	
16 Disember 1891 (12月)	(a) British telah menangkap tiga orang pengikut Dato' Bahaman kerana mengutip hasil tanpa kebenaran. 英国已经逮捕三名 Dato' Bahaman 的追随者因为在没有许可下征收税务。 (b) Dato' Bahaman dan pengikutnya menyerang Balai Polis Lubuk Terua. Dato' Bahaman 和他的追随者袭击 Lubuk Terua 的警察局。 (c) Peristiwa ini mencetuskan peperangan antara Dato' Bahaman dengan British di Pahang. 这事件引发在彭亨州 Dato' Bahaman 与英国之间的战争。
26 Disember 1891 (12月)	(a) Hugh Clifford mengetuai pasukan yang terdiri daripada 200 anggota tentera untuk menawan semula Lubuk Terua tetapi pasukannya ditewaskan dalam pertempuran di Kelubi. Hugh Clifford 率领由 200 名士兵组成的军队以夺回 Lubuk Terua ，但他的军队在 Kelubi 的战役中被击败。 (b) Hugh Clifford dan pasukannya berundur dan mendapatkan bantuan dari Singapura. Hugh Clifford 和他的军队撤退，并寻求新加坡的援助。
Januari 1892 (一月)	(a) British memaksa Sultan Wan Ahmad menamatkan kebangkitan rakyat Pahang. 英国逼迫 Wan Ahmad 苏丹结束彭亨州人民的起义。 (b) Pasukan tentera yang dinamakan Gerakan Sultan ditubuhkan untuk tujuan ini. 被称为苏丹行动 (Gerakan Sultan) 的军队为这个目的而被设立。 (c) Sultan Wan Ahmad dilantik mengetuai gerakan tersebut. Wan Ahmad 苏丹被委任以率领这个行动。 (d) Gerakan Sultan berjaya menawan 11 buah kubu Dato' Bahaman di Bentong. 苏丹行动成功收复 11 个 Dato' Bahaman 在 Bentong 的堡垒。
Mac 1892 (三月)	(a) Dato' Bahaman menawan semula Lubuk Terua. Dato' Bahaman 再夺回 Lubuk Terua 。 (b) Perjuangan Dato' Bahaman menjadi lebih kuat kerana mendapat sokongan Tok Gajah dan anaknya, Mat Kilau. Dato' Bahaman 的抗争变得更强大，因为得到 Tok Gajah 和他的儿子， Mat Kilau 的支持。
8 Mei 1892 (五月)	(a) British sekali lagi menyerang Lubuk Terua. 英国再次袭击 Lubuk Terua 。 (b) Pejuang di Pahang berundur ke Kelantan dan Terengganu. 彭亨战士撤退到吉兰丹和登嘉楼。 (c) Di Terengganu, Ulama Tok Ku Paloh menyemarakkan semangat pejuang Pahang berjihad menentang British. 在登嘉楼， Tok Ku Paloh 宗教老师激起彭亨战士进行圣战对抗英国的精神。
14 Jun 1894 (六月)	(a) Dato' Bahaman dan 100 orang pengikutnya menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. Dato' Bahaman 和 100 个他的追随者收复 Kuala Tembeling 和 Jeram Ampai 。 (b) British bertindak balas dengan menghantar Kolonel Walker untuk menawan semula Jeram Ampai. 英国派 Walker 上校以夺回 Jeram Ampai 。 (c) Dato' Bahaman, Tok Gajah, dan Mat Kilau berundur ke Kelantan. Dato' Bahaman ， Tok Gajah 和 Mat Kilau 撤退到吉兰丹州。 (d) Selepas itu, peperangan menentang British di Pahang berakhir. 之后，在彭亨对抗英国的战争结束。

7.8 Mat Salleh Menyanggah SBUB (Mat Salleh 反驳 SBUB)

1. Nama Mat Salleh yang sebenar ialah Datu Mohammad Salleh bin Datu Balu.

Mat Salleh 的真名是 Datu Mohammad Salleh bin Datu Balu。

2. Beliau yang berketurunan Bajau dan Suluk dilahirkan di Inanam dan menjadi pemerintah Sungai Sugut.

他有 **Bajau** 和 **Suluk** 的血统，出生于 **Inanam** 并成为 **Sungai Sugut** 的统治者。

3. Mat Salleh dikatakan mewarisi sifat kepahlawanan dan keberanian berperang.

Mat Salleh 被传说继承了英雄主义和勇敢打战的特征。

4. Kebangkitan Mat Salleh merupakan kebangkitan terbesar dalam sejarah kebangkitan menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

在沙巴对抗英国北婆罗洲公司 (SBUB) 的起义当中，**Mat Salleh** 的起义是历史上最大型的起义。

5. Faktor Mat Salleh menentang SBUB

Mat Salleh 对抗 **SBUB** 的因素

(a) Semangat perjuangan jihad orang Sulu menentang Sepanyol

苏禄人对抗西班牙的圣战奋斗精神

(i) Kebangkitan Mat Salleh menentang SBUB berpunca daripada semangat perjuangan jihad orang Sulu menentang Sepanyol di selatan Filipina.

Mat Salleh 起义对抗 **SBUB** 是因为苏禄人在菲律宾南部对抗西班牙圣战的圣战奋斗精神。

(b) Peraturan SBUB yang membebankan penduduk tempatan

SBUB 条规加重当地居民的负担

(i) SBUB telah memperkenalkan pelbagai peraturan baru seperti amalan buruh paksa, cukai beras, dan lesen perahu.

SBUB 推出各种新的条规，比如实行强迫制劳工，大米税，和船的执照。

(ii) Peraturan baru ini membebankan penduduk tempatan.

新条规加重当地居民的负担。

(c) Percubaan untuk berunding tidak berjaya

尝试谈判但不成功

(i) Pada bulan Ogos 1895, Mat Salleh dan beberapa orang pembesar tempatan telah pergi ke Sandakan untuk bertemu dengan Gabenor Beaufort, iaitu C.V. Creagli.

在 **1895** 年 **8** 月，**Mat Salleh** 和一些当地官员去山打根以会见 **Beaufort** 总督，那就是 **C.V. Creagli**。

(ii) Mereka bercadang untuk berunding tentang masalah cukai dan tindakan kekerasan pegawai SBUB terhadap penduduk tempatan.

他们打算对有关税收问题和 **SBUB** 官员对当地居民的暴力行为进行谈判。

(iii) Rundingan tersebut bukan sahaja tidak berjaya, malahan Mat Salleh dan pengikutnya tidak diberi layanan. Mereka meninggalkan Sandakan setelah menunggu selama sepuluh hari.

这谈判不但是不成功，而且 **Mat Salleh** 和他的追随者没有人理会。他们等了 **10** 天后离开山打根。

(d) Perkampungan Mat Salleh dibakar

Mat Salleh 的村庄被烧毁

(i) Gabenor Beaufort menganggap Mat Salleh mengancam kepentingan SBUB dan bertindak membakar perkampungan Mat Salleh.

Beaufort 总督认为 **Mat Salleh** 威胁到 **SBUB** 的利益并烧毁 **Mat Salleh** 的村庄。

(ii) Selain memusnahkan perkampungan Mat Salleh, Gabenor Beaufort juga menawarkan 500 dolar kepada sesiapa yang berjaya menangkap Mat Salleh.

除了摧毁 **Mat Salleh** 的村庄，**Beaufort** 总督还提供悬赏 500 美元给的成功抓到 **Mat Salleh** 的人。

6. Mat Salleh mendirikan kubu di Ranau dan membakar Pulau Gaya pada bulan Julai 1897.

Mat Salleh 在 **Ranau** 建立堡垒，并于 1897 年 7 月烧毁 **Pulau Gaya**。

7. Pada bulan November, Mat Salleh menyerang Ambong.

十一月，**Mat Salleh** 攻击 **Ambong**。

8. Pengarah Urusan SBUB, William Cowie menawarkan perdamaian dan pengampunan apabila mendapati tidak berupaya mengalahkan Mat Salleh.

SBUB 董事总经理 **William Cowie** 提供和解与赦免，当发现无法击败 **Mat Salleh** 时。

9. Rundingan antara William Cowie dengan Mat Salleh diadakan di Menggatal pada April 1898 dan melalui rundingan itu, SBUB membenarkan Mat Salleh mentadbir daerah Tambunan.

William Cowie 和 **Mat Salleh** 于 1898 年四月在 **Menggatal** 举行谈判，通过这个谈判，**SBUB** 允许 **Mat Salleh** 管理 **Tambunan** 省。

Perjanjian antara William Cowie dengan Mat Salleh pada April 1898

William Cowie 和 Mat Salleh 之间于 1898 年四月的条约

(a) Mat Salleh dan pengikutnya diberi pengampunan.

Mat Salleh 和他的追随者被赦免。

(b) Penduduk Inanam yang telah melarikan diri semasa kekacauan dibenarkan pulang.

混乱中逃难的 **Inanam** 居民被允许回来。

(c) Mat Salleh dibenarkan mentadbir daerah Tambunan.

Mat Salleh 被允许管理 **Tambunan** 省。

(d) Mat Salleh diminta melaporkan pergerakannya kepada SBUB.

Mat Salleh 被要求向 **SBUB** 报告他的行踪。

10. Sungguhpun perdamaian dicapai, namun SBUB memungkiri janji dengan mengambil alih pentadbiran Tambunan pada tahun 1899.

虽然实现和平，然而 **SBUB** 反悔并于 1899 年接管 **Tambunan** 省的行政管理。

11. Mat Salleh berasa tertipu dan meneruskan semula penentangannya terhadap SBUB dengan membina kubu di Kampung Teboh, Tambunan.

Mat Salleh 觉得被欺骗，并在 **Tambunan** 省的 **Teboh** 村建立堡垒以恢复他对 **SBUB** 的对抗坦。

12. SBUB menyerang kubu Mat Salleh secara besar-besaran dan Mat Salleh terkorban dalam satu pertempuran pada bulan Januari 1900.

SBUB 大规模地攻击 **Mat Salleh** 的堡垒，**Mat Salleh** 牺牲于 1900 年 1 月的战斗中。

13. Perjuangan Mat Salleh diteruskan oleh pengikutnya seperti Mat Sator dan Kamunta.

Mat Salleh 的抗争由他的追随者比如 **Mat Sator** 和 **Kamunta** 继续。

14. British hanya berjaya menamatkan kebangkitan Mat Salleh pada bulan Julai 1902.
英国与 1902 年 7 月才成功结束 **Mat Salleh** 的抗争。

7.9 Antanom Pahlawan Anak Rimba Berjiwa Besar (Antanom 高尚的丛林儿英雄)

1. Nama sebenar Antanom ialah Ontoros anak lelaki Antanom.

Antanom 的真名是 **Ontoros anak lelaki Antanom**。

2. Beliau ialah anak kaum Murut di Rundum dan dilahirkan pada tahun 1875.

他是 **Rundum** 的 **Murut** 族孩子和出生于 1875 年。

3. Semasa berusia 30 tahun, Antanom telah memimpin orang Murut menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) yang menindas kaumnya.

在 30 岁时，**Antanom** 率领 **Murut** 人对抗压迫他族人的英国北婆罗洲公司 (**SBUB**)。

4. Faktor penentangan Antanom

Antanom 反抗的因素

(a) SBUB melarang penduduk tempatan membuka tanah baru

SBUB 禁止当地居民开辟新土地

(i) Hak penduduk tempatan dicerobohi apabila SBUB melarang mereka membuka tanah baru.

当 **SBUB** 禁止当地居民开辟新土地，当地居民的权利被侵害。

(ii) Tindakan SBUB ini menyebabkan penduduk tempatan kekurangan hasil makanan.

SBUB 的举动导致当地居民粮食短缺。

(b) SBUB mengenakan pelbagai jenis cukai yang membebankan

SBUB 施行各种增加负担的税务

(i) SBUB telah mengenakan pelbagai jenis cukai seperti cukai kepala, cukai tanaman pindah, cukai kelapa, cukai tangkapan ikan besar, dan cukai memelihara anjing.

SBUB 施行各种税务，比如人头税，农业税，椰子税，捕获大鱼税和养狗税。

(ii) Cukai-cukai yang dikenakan oleh SBUB membebankan penduduk tempatan.

SBUB 推出的税务加重当地居民负担。

(c) Orang Murut menjadi buruh paksa

Murut 人变成强迫性劳工

(i) SBUB mengambil orang Murut untuk menjadi buruh paksa.

SBUB 将 **Murut** 人成为强迫性劳工。

(ii) Buruh ini membina jalan di kawasan pedalaman dan memasang kawat telegraf antara Tenom dengan Rundum.

这些劳工修建在农村的公路，并安装 **Tenom** 和 **Rundum** 之间的电报线。

(d) Dasar SBUB menzalimi keluarga

SBUB 政策对家庭非常专制

(i) SBUB menetapkan bahawa suami isteri kaum Murut dikehendaki tinggal berasingan di sebelah-menyebelah tebing sungai.

SBUB 规定 Murut 族的配偶必须分开在两边的河岸居住。

(ii) Mereka dikenakan satu dolar bagi setiap kali berkunjung.

他们每次探访被收取一块美元。

(iii) Jika mereka mempunyai dua wang anak, salah seorang daripadanya akan diambil oleh SBUB sebagai buruh paksa.

如果他们有两个孩子的孩子，其中一个将被 SBUB 领去当强迫性劳工。

(e) SBUB menceroboh kawasan hutan

SBUB 侵占森林

(i) SBUB menceroboh kawasan hutan untuk membina jalan.

SBUB 侵占森林以建造公路。

(ii) Kaum Murut membantah tindakan SBUB kerana langkah SBUB tersebut dianggap menceroboh dan mengganggu roh nenek moyang mereka.

Murut 族反对 SBUB 的举动因为 SBUB 的行为被认为是侵入和打扰他们祖先的灵魂。

5. Pada tahun 1915, Antanom menyatukan orang Murut untuk menyerang SBUB di Pensiangan dan membakar bangunan kerajaan di situ.

1915 年，Antanom 把 Murut 人团结起来攻击在 Pensiangan 的 SBUB 并烧毁那里的政府大楼。

6. Pada bulan Mac 1915, Antanom memimpin kira-kira 600 orang Murut untuk menyerang Rundum dan pejabat pentadbiran SBUB di Rundum musnah.

在 1915 年 3 月，Antanom 率领约 600 个 Murut 人攻击 Rundum 和 Rundum 的 SBUB 行政办公室毁坏了。

7. Kejayaan mereka menyerang Rundum telah menaikkan semangat perjuangan orang Murut dan pengikut Antanom meningkat menjadi lebih kurang 900 orang.

他们成功地攻击 Rundum 提高 Murut 人的斗志和 Antanom 的追随者增加至约 900 个人。

8. Antanom membina kubu pertahanan yang mengandungi tujuh buah rumah bawah tanah di Sungai Selangit.

Antanom 在 Sungai Selangit 建造含有七个地下室的防御基地。

9. Pada April 1915, SBUB menghantar 400 orang tentera untuk menyerang kubu Antanom.

1915 年 4 月，SBUB 派 400 名士兵攻打 Antanom 的堡垒。

10. Pertempuran yang berlaku selama enam minggu itu menyebabkan Antanom dan 400 orang Murut terkorban.

一场战斗持续六个星期导致 Antanom 和 400 个 Murut 人丧生。

11. Pertempuran ini dikenali sebagai Kebangkitan Rundum.

这一场战被称为 Rundum 起义。

12. Selepas itu, SBUB mengenakan tindakan tegas terhadap pengikut Antanom. 8 orang kanannya dibuang daerah ke Kudat dan pengikut yang lain dijadikan buruh paksa memasang kawat telegraf dari Kimanis hingga ke Keningau.

在此之后，SBUB 严厉处分 Antanom 的追随者。8 个他的助人被流放到古达和其他的追随者成为强迫性劳工，安装 Kimanis 和 Keningau 之间的电报线。

13. Untuk mengelakkan kebangkitan seterusnya, SBUB mengarahkan orang Murut bersumpah akan taat setia tetapi orang Murut membantah dengan berpindah secara beramai-ramai ke pedalaman Kalimantan.

为了避免日后起义，SBUB 命令 Murut 人宣誓效忠，但反对的 Murut 人集体迁移到 Kalimantan 内部。

7.10 Tok Janggut Pejuang Jihad (Tok Janggut 圣战的战士)

1. Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan bin Munas.

Tok Janggut 的真名是 Haji Mat Hassan bin Munas。

2. Beliau dikenali dengan nama Tok Janggut kerana menyimpan janggut hingga ke paras dada.

他被称为 Tok Janggut 因为他留胡子留到胸部。

3. Tok Janggut dilahirkan pada tahun 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh, Kelantan.

Tok Janggut 于 1853 年出生在吉兰丹州的 Pasir Puteh 的 Kampung Jeram。

4. Beliau mendapat pendidikan sekolah pondok di Kelantan dan kemudian meneruskan pengajian di Makkah.

他曾就读于吉兰丹的寄宿学校，后来到麦加继续深造。

5. Tok Janggut bekerja sebagai petani dan peniaga di Kampung Nering dan beliau mahir dalam seni silat.

Tok Janggut 的工作是 Kampung Nering 的农民和商人和他擅长马来武术。

6. Faktor Tok Janggut menentang British di Kelantan

Tok Janggut 在吉兰丹州对抗英国的因素

(a) Peraturan tanah menyulitkan penduduk tempatan

土地条规很为难当地居民

(i) British memperkenalkan peraturan cukai 1915 yang mewajibkan petani membayar cukai tanah.

英国推出的 1915 年税收条规，要求农民缴付土地税。

(ii) Pengenalan peraturan ini membebankan penduduk tempatan.

这条规的推出加重当地居民的负担。

(b) Pengenalan cukai membebankan penduduk tempatan

推出的税务加重当地居民的负担

(i) British juga memperkenalkan pelbagai jenis cukai seperti cukai pokok kelapa berbuah sebanyak tiga sen sepokok, cukai pokok pinang satu sen sepokok, cukai sirih lima sen sejunjung dan cukai kerbau serta lembu 20 sen seekor.

英国也推出各种税务，比如结果的椰子树税每棵树三仙美元，槟榔树税每棵树一仙美元，一束桫椤叶税五仙和水牛税每只 20 仙美元。

(ii) Tok Janggut membantah cukai itu kerana cukai tersebut membebankan penduduk tempatan.

Tok Janggut 反对这些税务因为税务加重当地居民的负担。

(c) Sentimen anti-British

反英情绪

(i) Perasaan anti-British meningkat apabila British menyerang kerajaan Turki Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama.

反英情绪上升，当英国在第一次世界大战攻打土耳其政府。

(ii) Kerajaan Turki Uthmaniyah telah menyeru umat Islam di seluruh dunia supaya berjihad menentang penjajah Barat.

土耳其政府呼吁全世界的穆斯林以便进行圣战对抗西方殖民主义。

(iii) Tok Janggut menyahut seruan tersebut dengan melancarkan penentangan terhadap British di Pasir Puteh.

Tok Janggut 响应这个呼吁并在 **Pasir Puteh** 发动对抗英国的叛乱。

d) Masalah pembayaran cukai

缴税问题

(i) Penduduk tempatan menghadapi masalah membayar cukai kerana pejabat bayaran cukai terletak jauh di bandar.

当地居民面对缴税问题，因为缴税的办公室位于偏远的城市。

(ii) Tok Janggut telah beberapa kali pergi untuk membayar cukai tetapi gagal.

Tok Janggut 先后去交税几次，但都失败。

(iii) Mereka yang gagal membayar cukai akan ditangkap dan dikenakan denda.

不交税的会人将被逮捕和被罚款。

(iv) Pegawai British yang bertugas bersikap biadab sehingga menimbulkan kemarahan penduduk tempatan.

英国负责官员的野蛮行径激怒当地居民。

Peristiwa penentangan Tok Janggut terhadap British di Kelantan

Tok Janggut 在吉兰丹对抗英国的造反事件

28 April 1915	(a) Berikutan kegagalan Tok Janggut membayar cukai, Pegawai Daerah Pasir Puteh, Encik Abdul Latif telah menghantar Sarjan Che Wan untuk menangkap Tok Janggut. 继 Tok Janggut 未能缴纳税款，Pasir Puteh 的地区官员，Abdul Latif 先生派 Che Wan 警长逮捕 Tok Janggut。 (b) Perbalahan berlaku menyebabkan Sarjan Che Wan mati ditikam oleh Tok Janggut. 发生口角导致 Che Wan 警长被托克刺死。
29 April 1915	(a) Tok Janggut, Engku Besar Jeram, Penghulu Adam, dan Che Sahak Merbol melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh. Tok Janggut, Engku Besar Jeram, Adam 酋长和 Che Sahak Merbol 对 Pasir Puteh 发动攻击。 (b) Mereka menduduki Pasir Puteh selama tiga hari dan mengisytiharkan Pasir Puteh bebas daripada pemerintahan British. 他们占领 Pasir Puteh 达三天，并宣布 Pasir Puteh 脱离英国统治。 (c) Engku Besar Jeram, iaitu Tuan Ahmad dilantik sebagai Raja Pasir Puteh dan Tok Janggut sebagai Perdana Menteri. Engku Besar Jeram, 那就是 Tuan Ahmad 被委任为 Pasir Puteh 国王和 Tok Janggut 为首

	相。
9 Mei 1915	(a) British menawarkan hadiah 500 dolar kepada sesiapa yang berjaya menangkap Tok Janggut dan pemimpin kanannya. 英国提供悬赏 500 块美元给成功抓到 Tok Janggut 和他助手的人。
23 Mei 1915	(a) British membakar rumah Tok Janggut dan pengikutnya kerana enggan menyerah diri. 英国烧毁 Tok Janggut 和他的追随者的房子因为拒绝投降。 (b) Tok Janggut bertindak balas dengan menyerang Pasir Puteh. Tok Janggut 袭击 Pasir Puteh。
24 Mei 1915	(a) British menyerang kubu Tok Janggut di Kampung Dalam Pupuh, Saring. 英军进攻 Tok Janggut 在 Saring 的 Kampung Dalam Pupuh 的堡垒。 (b) Tok Janggut terkorban dalam pertempuran tersebut. Mayatnya diarak ke Pasir Puteh dan Kota Bharu, kemudian digantung songsang di Padang Balai Besar, Kota Bharu selama empat jam. Tok Janggut 在这场战斗中死亡。他的尸体在 Pasir Puteh 和 Kota Bharu 游街示众，然后倒挂在 Kota Bharu 的 Padang Balai Besar 四小时。 (c) Mayat beliau dikebumikan di Pasir Pekan. 他的遗体被安葬在 Pasir Pekan。

7. Walaupun kebangkitan Tok Janggut dan pengikutnya dapat dipatahkan oleh British, namun semangat perjuangan mereka telah dijadikan iktibar kepada penduduk tempatan.

虽然 Tok Janggut 和他的追随者的起义被英国瓦解，但他们拼搏的精神成为当地居民的一个教诲。

8. Rakyat Malaysia hendaklah mempunyai semangat patriotik, iaitu sanggup berkorban demi mengelakkan negara daripada dijajah oleh kuasa asing.

马来西亚人民必须有爱国精神，那就是愿意为阻止国家被外国势力统治而牺牲。

Mesej Focus 咨询焦点

Kekacauan timbul di Jeram, Pasir Puteh pada 29 April 1915 apabila kuasa pentadbiran Engku Besar diambil alih oleh Pegawai Jajahan yang dilantik oleh British, iaitu Encik Abdul Latif dari Singapura. Encik Abdul Latif yang dianggap orang luar telah menjalankan tugasnya dengan tegas khususnya dalam hal kutipan cukai. Beliau mengarahkan satu pasukan polis yang diketuai oleh Sarjan Che Wan ke Kampung Tok Akib untuk menemui Tok Janggut. Pergaduhan kecil berlaku di mana Sarjan Che Wan telah terbunuh. Peristiwa tersebut menyebabkan arahan menangkap Tok Janggut dikeluarkan.

1915 年 4 月 29 日在 Jeram, Pasir Puteh 出现混乱，当 Engku Besar 的行政权力被英国委任的地区官员，那就是来自新加坡的 Abdul Latif 先生接管。被认为是外人的 Abdul Latif 先生非常严格地执行他的任务尤其是征收税务。他命令一支由 Che Wan 警长率领的警察队伍到 Kampung Tok Akib 找 Tok Janggut。爆发一场打斗，其中 Che Wan 警长被杀。这起事件导致发放 Tok Janggut 的逮捕令。

7.11 Haji Abdul Rahman Limbong Pejuang Tani (Haji Abdul Rahman Limbong 农民战士)

1. Nama sebenar Haji Abdul Rahman Limbong ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid.

Haji Abdul Rahman Limbong 的真名是 Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid。

2. Beliau dikenali dengan nama Haji Abdul Rahman Limbong kerana beliau kerap ke Limbong, Kemaman untuk mengajar ilmu agama.

他被称为 **Haji Abdul Rahman Limbong** 是因为他经常到 **Kemaman** 得 **Limbong** 教宗教知识。

3. Haji Abdul Rahman Limbong merupakan ulama yang membela nasib petani Terengganu yang ditindas melalui Kebangkitan Tani dari tahun 1922 hingga tahun 1928.

Haji Abdul Rahman Limbong 是宗教老师，他通过 **1922** 年至 **1928** 年起义以维护登嘉楼被压迫的农民。

4. Faktor Kebangkitan Tani

农民起义的因素

(a) Peraturan Tanah Baru 1921

新的 **1921** 年土地条规

(i) Pada tahun 1921, British telah memperkenalkan Peraturan Baru.

1921 年，英国推出新的条规。

(ii) Petani yang ingin membuka tanah baru atau bercucuk tanam dikehendaki mendapatkan pas kebenaran dengan membayar 50 sen.

想要开辟新土地或种植的农民必须缴付 **50** 仙以获得许可证。

(iii) Peraturan yang sama dikenakan jika penduduk menebang pokok dan mengutip hasil hutan seperti daun nipah, buah salak, sagu, rotan dan daun palas.

同样的规则也用于，如果人民要砍伐树木和采集森林产品，比如亚答叶，水果，西米，藤和棕榈叶。

(iv) Peraturan baru ini membebankan petani yang kebanyakannya miskin.

新的条规加重大部分贫困农民的负担。

(b) Penguatkuasaan Undang-undang Kawalan Binatang Buas

执法控制野兽

(i) Pada tahun 1923, British telah memperkenalkan Undang-undang Kawalan Binatang Buas.

1923 年，英国通过立法控制野兽。

(ii) Undang-undang ini melarang penduduk memburu binatang buas dalam hutan.

这项法律禁止居民捕猎森林中的野生动物。

(iii) Mereka yang ingkar dikenakan denda sebanyak 500 dolar dan senapang mereka akan dirampas.

违法的他们将处以罚款 **500** 块美元，他们的枪也将被没收。

(iv) Pelaksanaan undang-undang ini menyebabkan banyak penduduk tempatan tidak dapat memburu untuk mencari rezeki.

这项法律的实施导致许多当地居民无法以打猎为生。

(c) Pengenalan Peraturan Tanah Baru 1924

推出 **1924** 年新的土地条规

(i) Pada tahun 1924, British mewajibkan semua penduduk mendaftarkan tanah mereka dengan bayaran sebanyak 2.50 dolar setiap seorang.

1924 年，英国规定所有居民以每人 **2.50** 美元来登记他们的土地。

(d) Pengaruh pemimpin agama

宗教领袖的影响力

(i) Haji Abdul Rahman Limbong merupakan ulama yang dihormati di Terengganu.

Haji Abdul Rahman Limbong 在登嘉楼是受人尊敬的宗教老师。

(ii) Beliau menegaskan bahawa tanah adalah hak Allah dan rakyat bebas mengerjakan tanah itu tanpa perlu membayar cukai kepada kerajaan British.

他强调，土地是属于真神的权利和人们可以自由在地里干活，而无需缴税给英国政府。

(iii) Haji Musa Abdul Ghani pula menyifatkan peraturan British sebagai bertentangan dengan syaria Islam.

Haji Musa Abdul Ghani 还说，英国的统治违背回教法则。

(iv) Pandangan ulama ini telah mempengaruhi kebangkitan semangat penduduk tempatan untuk menentang penjajah British.

这些宗教老师的观点影响当地居民崛起对抗英国占领者的精神。

5. Kebangkitan Tani di Terengganu mula meletus pada tahun 1922 apabila petani di Kuala Telemong menentang peraturan baru dengan membersihkan tanah tanpa mendapatkan pas kebenaran daripada British.

在登嘉楼的农民起义于 **1922** 年爆发，当 **Kuala Telemong** 的农民没有获得英国的许可就清空土地来反对新条规。

6. British bertindak dengan menangkap 43 orang petani dan mendakwa mereka di mahkamah.

英法采取行动逮捕 **43** 个农民并将他们告上法庭。

7. Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sebagai peguam mereka dan menghujahkan bahawa tanah adalah hak Allah dan bukan hak negeri.

Haji Abdul Rahman Limbong 作为他们的律师辩称，并陈诉说土地是属于真神的权利，而不是国家的权利。

8. Mahkamah menerima hujah beliau dan petani yang ditahan oleh British dibebaskan.

法院接受他的说法，并释放被英国逮捕的农民。

9. Konflik berlaku semula pada tahun 1925 apabila seramai 300 hingga 500 orang petani berkumpul di Kuala Telemong untuk bercucuk tanam.

1925 年，冲突再发生，当 **300** 至 **500** 个农民聚集在 **Kuala Telemong** 以种植。

10. Mereka membersihkan 200 ekar tanah milik Tengku Nik Maimunah dan 400 ekar tanah kerajaan setelah mengetahui bahawa kerajaan British akan memberi konsesi tanah tersebut kepada saudagar Cina.

他们清空 **200** 亩属于 **Tengku Nik Maimunah** 得土地和 **400** 亩政府的土地，当他们知道英国政府将土地特许权批给华商之后。

11. British mendesak Sultan Sulaiman bertindak terhadap Haji Abdul Rahman Limbong tetapi Haji Abdul Rahman Limbong menjelaskan kepada sultan bahawa pentadbiran British di daerah Kuala Berang telah menindas rakyat.

英国敦促 **Sulaiman** 苏丹苏莱曼采取行动以打击 **Haji Abdul Rahman Limbong**，但 **Haji Abdul Rahman Limbong** 向苏丹解释说英国政府在 **Kuala Berang** 压迫人民。

12. Kebangkitan Tani berlaku lagi pada tahun 1928 apabila British mengancam akan mengambil tindakan undang-undang terhadap petani yang enggan membayar cukai.

农民起义于 **1928** 年再次发生，当英国威胁要对拒绝缴税的农民采取法律行动。

13. Seramai 1 000 orang petani berhimpun di Marang, Kuala Telemong, dan Kuala Berang. Mereka mengisytiharkan perang terhadap British.

大约 **1000** 个农民聚集在 **Marang, Kuala Telemong, 和 Kuala Berang**。他们对英国宣布发动战争。

14. Petani-petani ini menduduki balai polis dan bangunan kerajaan di Kuala Berang dan mengibarkan bendera merah.

农民占领在 **Kuala Berang** 警察局和政府大楼吉隆坡并飘扬着红旗。

15. British bertindak dengan mendapatkan bantuan tentera dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pertempuran berlaku di Padang Kacong.

英国得到马来联邦的军事援助并在 **Padang Kacong** 发生战斗。

16. Seramai 12 orang petani terkorban dan semua pemimpin petani termasuk Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap.

共有 **12** 个农民丧生，所有的农民领袖，包括 **Haji Abdul Rahman Limbong** 被逮捕。

17. Mereka dibicara di Kuala Terengganu dan Haji Abdul Rahman Limbong dijatuhi hukuman buang negeri ke Makkah atas tuduhan menghasut serta mencetuskan kebangkitan menentang British.

他们在 **Kuala Terengganu** 被审判和 **Haji Abdul Rahman Limbong** 被判处流放到麦加因他被指控煽动并引发反抗英国的起义。